

Anak syarikat Maju Holdings cadang beli semula sukuk RM1.225 bilion

Bright Focus Bhd, anak syarikat Maju Holdings Sdn Bhd mengumumkan cadangan pembelian semula sukuk semasa sebanyak RM1.225 bilion pada nilai nominal atau nilai penuh.

Bright Focus mengadakan rundingan dengan beberapa bank antarabangsa untuk melaksanakan skim penstrukturan semula yang dicadangkan memabitkan sukuk kepada pertukaran sukuk dan penerbitan sukuk baru dalam tempoh 90 hari akan datang, tertakluk kepada usaha wajar oleh bank berkenaan.

Bright Focus memegang konsesi Maju Expressway (MEX) melalui anak syarikatnya, Maju Expressway Sdn Bhd (MESB) sebanyak 96.8 peratus.

"Penurunan nilai semasa kepada BDI untuk Bright Focus Bhd tidak mencerminkan kemajuan lebuhraya itu sendiri, namun struktur lemah syarat sukuk itu sendiri," kata syarikat itu dalam kenyataan, semalam.

"Penurunan penarafan itu disebabkan hanya untuk mengurangkan simpanan tunai disebabkan pendahuluan berjadual kepada Maju Holdings," katanya.

Pada dasarnya, Lebuhraya MEX adalah lebuhraya berprestasi dari perspektif keupayaannya memenuhi semua kewajipannya di bawah sukuk semasa tepat pada masanya.

Dalam laporan rasional penarafan terkini, Rating Agency Malaysia (RAM) mencadangkan bahawa aliran tunai diunjurkan tertakluk kepada andaian tekanan dan titik terendah dalam nisbah liputan perkhidmatan hutang iaitu 1.20 kali.

Sebarang langkah di atas 1.0 kali menunjukkan keupayaan membayar balik obligasi dengan cara tepat pada masanya.

Bright Focus dan Maju Holdings berada dalam kedudukan kewangan kukuh untuk melaksanakan program penstrukturan semula yang akan menangani kelemahan dalam terma semasa sukuk.

Penurunan penarafan itu disebabkan hanya untuk mengurangkan simpanan tunai disebabkan pendahuluan berjadual kepada Maju Holdings.

Kenyataan Bright Focus

BERITA HARIAN

TARIKH 22 JUL 2019